

15 JUL 2002

Mahathir-Poster

DR MAHATHIR SELAR PAS BUAT POSTER FITNAH

ALOR SETAR, 15 Julai (Bernama) -- Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad hari ini menyelar PAS kerana membuat poster memfitnah beliau serta pemimpin-pemimpin Umno lain.

PAS tidak patut berbuat begitu kerana fitnah dilarang oleh Islam, kata Perdana Menteri pada sidang media selepas menyampaikan bantuan Dana Anak Bukit anjuran Bernas di SK Sungai Baru di sini.

Beliau berkata demikian ketika diminta mengulas mengenai pengedaran berbagai jenis poster oleh parti pembangkang itu sejak bermula kempen pilihan raya kecil Parlimen Pendang dan Dewan Undangan Negeri Anak Bukit.

Dr Mahathir menyifatkan sebagai fitnah apabila melihat poster "Mahathir Paderi Besar Gereja" yang disebarluaskan meluas di dua kawasan pilihan raya kecil itu.

Poster itu menunjukkan Dr Mahathir memakai pakaian seperti paderi dan mempunyai rantai salib besar. Poster itu juga tertera tajuk kecil "Rahsia Besar Di Sebalik Menghadap Pope di Rom dan Cuti di Itali".

Satu lagi poster menunjukkan Dr Mahathir dan timbalannya Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi sedang duduk bersila di tanah perkuburan dengan hanya memakai kain dan bersongkok tanpa baju.

Poster itu mempunyai tajuk utama "Mahathir Nyanyuk Pak Lah Merapu" dan tajuk kecil "Seorang nak jadi Tuhan, yang satu lagi bercita-cita diangkat jadi Nabi ... Haprak!"

Terdapat juga poster yang menggambarkan Abdullah sedang hendak memotong babi dengan tajuk utama "Penjual Babi Tak Layak Jadi PM" dan tajuk kecil "Mahathir silap pilih penggantinya".

Satu lagi poster memaparkan Ketua Penaja Puteri Umno Azalina Othman Said memakai rantai salib besar dengan tajuk besar "Azalina Kristian" dan tajuk kecil "Yahudi taja dan upah Puteri Umno" serta gambar barisan pemimpin pergerakan itu dengan masing-masing memakai salib besar dengan tajuk utama "Puteri Umno Agen Yahudi".

Ketika menjawab soalan lain, Perdana Menteri berkata Barisan Nasional (BN) mempunyai peluang untuk memenangi kedua-dua pilihan raya kecil itu tetapi mereka kena bekerja lebih kuat lagi untuk menambahkan majoriti.

Beliau juga berkata BN tidak berkempen dengan menggunakan kekerasan seperti yang dilakukan oleh Pas.

"Ada orang Pas masuk rumah orang lain dan merampas kad pengenalan pengundi. Itu bukan hak dia. Ini hak polis untuk melihat kad pengenalan orang," katanya.

Bagaimanapun, katanya, beliau telah diberi jaminan oleh polis untuk terus memelihara keamanan dan ketenteraman.

Ketika diminta mengulas kenyataan Menteri Besar Kelantan Datuk Nik Aziz Nik Mat yang mendakwa maki hamun terhadap pemimpin Umno dan keganasan digunakan kerana teguran parti itu (Pas) tidak dipedulikan oleh pemimpin Umno, Dr Mahathir menjawab:

"Kalau teguran baik, kita terimalah. Tapi teguran (Pas) tak baik. Kita suruh janganlah kelirukan orang Islam tapi dia tak layan."

Apabila ditanya mengapa beliau "turun padang" di kedua-dua kawasan pilihan raya kecil itu sedangkan beliau jarang sekali berbuat demikian, Dr Mahathir berkata beliau merasmikan majlis di kedua-dua kawasan itu dan kebetulannya pula terdapat pilihan raya kecil.

"Saya bukan turun berkempen. Lagi pun ini kawasan saya di Kedah. Kalau saya pergi ke Pendang dan tak pergi ke Anak Bukit pula nanti orang marah,"

katanya.

Apabila disebut bahawa ucapannya seperti berkempen, Dr Mahathir berkata pemimpin Pas pun berkempen juga.

Mengenai pemilihan calon-calon BN, Dr Mahathir berkata mereka dipilih kerana mereka layak dan boleh memenangi pilihan raya kecil itu.

-- BERNAMA

JM NMO